



Kuasa Beli Pengguna Menangani Inflasi

Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan tidak dapat dielakkan. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan dikenali sebagai inflasi. Inflasi bermaksud kenaikan tingkat harga umum barangan dan perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Inflasi merupakan petunjuk kepada kenaikan harga barangan dan perkhidmatan

di Malaysia. Kadar inflasi lazimnya diukur melalui indeks harga pengguna (IHP) bagi perubahan harga item di dalam bakul tetap barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa.

Pemilihan item di dalam bakul barangan dan perkhidmatan berasaskan nilai penggunaan yang diperolehi melalui Penyasiasan Perbelanjaan

Isi Rumah (Household Expenditure Survey (HES)) yang dilaksanakan dua kali dalam tempoh lima tahun.

IHP mengukur perubahan harga bagi sesuatu barangan dan perkhidmatan yang diterjemahkan dalam bentuk indeks berwajaran. Perlu diketahui bahawa item di dalam bakul barangan dan perkhidmatan setiap kumpulan utama mempunyai wajaran atau nilai pemberat yang berbeza-beza merujuk kecenderungan atau kepentingan pengguna terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan itu. Semakin banyak perbelanjaan isi rumah ke atas sesuatu item tersebut, maka semakin tinggi nilai peratus wajarnya.

Spesifikasi setiap item di dalam bakul barangan dan perkhidmatan akan dikelaskan kepada setiap kelas perbelanjaan dan kemudian disusun mengikut subkumpulan barangan dan perkhidmatan. Subkumpulan barangan dan

perkhidmatan ini kemudiannya dikategorikan kepada kumpulan utama. Tiga kumpulan utama yang mempunyai nilai wajaran tertinggi ialah makanan dan minuman (29.5%); perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (23.8%), dan pengangkutan (14.6%).

Setiap item spesifikasi barangan dan perkhidmatan mempunyai kadar inflasi. IHP digunakan untuk mengukur kadar inflasi setiap item spesifikasi barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, kadar inflasi terdapat pada setiap peringkat pengelasan item, kelas perbelanjaan, subkumpulan hingga ke kumpulan utama. Sebagai contohnya, IHP subkumpulan bagi kumpulan makanan dan minuman, iaitu ikan dari bulan Disember 2012 hingga Disember 2022 adalah sebanyak 153.4%.

IHP menggunakan asas harga 2012 dengan indeks asas sebanyak 100% bagi tujuan perbandingan pengiraan. Hal ini bermaksud bahawa harga ikan meningkat sebanyak 53.4% dari bulan Disember 2012 hingga Disember 2022.

Kadar inflasi pula mengukur peratus perubahan yang berlaku pada tingkat harga tersebut sejak setahun lepas, iaitu dari bulan Disember 2021. Sebagai contohnya, IHP adalah sebanyak 152.3%. Oleh itu, kadar inflasi bagi ikan adalah sebanyak 7%, iaitu peratus perubahannya adalah antara 152.3% dengan 153.4% (rujuk Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Perubahan Harga Item di dalam Bakul Tetap Barangan dan Perkhidmatan).

Analogi wajaran dalam konteks perbelanjaan isi rumah pengguna ialah wang poket sebanyak RM100.00 akan dibelanjakan mengikut kepentingan tiga kumpulan utama seperti yang berikut:

1. RM29.50 (29.5%) digunakan untuk perbelanjaan berkaitan dengan makanan dan minuman.



Rajah Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Perubahan Harga Item di dalam Bakul Tetap Barangan dan Perkhidmatan.

2. RM23.80 (23.8%) digunakan untuk perbelanjaan berkaitan dengan perumahan seperti bayaran bil air, bil elektrik, gas, dan sebagainya.
3. RM14.60 (14.6%) digunakan untuk perbelanjaan berkaitan dengan pengangkutan seperti penggunaan petrol kenderaan, diesel, bayaran tiket penerbangan, bayaran tol, bayaran tempat letak kenderaan, dan sebagainya.

Hal ini bermaksud bahawa lebih kurang 68% perbelanjaan isi rumah akan digunakan untuk ketiga-tiga kumpulan utama ini. Manakala, selebihnya akan digunakan untuk perbelanjaan lain. Barangan dan perkhidmatan dalam ketiga-tiga kumpulan ini yang mendominasi keseluruhan perbelanjaan isi rumah, didapati relevan dan signifikan kepada pengguna.

Dalam hal ini, sebarang kenaikan harga barangan

dan perkhidmatan dalam ketiga-tiga kumpulan ini akan memberikan kesan yang besar kepada perbelanjaan isi rumah pengguna. Pengguna perlu bijak menyesuaikan perbelanjaan dengan keperluan yang amat penting.

Inflasi berkait rapat dengan faktor permintaan pengguna. Hal ini demikian kerana apabila permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan meningkat serta mengatasi kemampuan kuantiti pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh pembekal, peningkatan harga akan berlaku. Oleh hal yang demikian, pengguna perlu mengurangkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan tersebut dengan mencari alternatif barangan dan perkhidmatan lain.

Inflasi juga mencerminkan kuasa beli pengguna. Inflasi mempunyai hubungan yang berlawanan dengan kuasa beli. Apabila inflasi berlaku, maka kuasa beli pengguna akan menyusut. Hal ini demikian kerana kurangnya kemampuan pengguna untuk membeli



barang dan perkhidmatan yang pada tahap yang mahal. Maka, pembelian barangan atau perkhidmatan tersebut pastinya tidak akan berlaku. Walau bagaimanapun, corak pembelian dan perbelanjaan rakyat Malaysia berbeza.

Secara amnya, rakyat Malaysia dilihat cenderung membeli barangan atau perkhidmatan yang biasa dibeli oleh mereka walaupun harganya meningkat. Oleh itu, permintaan pengguna masih wujud dan kenaikan harga akan tetap berlaku. Hakikatnya, kuasa beli pengguna mampu mengawal harga barangan dan perkhidmatan.

Petunjuk kenaikan harga bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan berdasarkan kadar inflasi boleh menjadi rujukan kepada pengguna untuk membuat perbandingan harga. Gelagat pembelian pengguna yang selama ini cenderung

memilih item kegemaran walaupun harganya tinggi, harus diubah. Pengguna digalakkan membuat perbandingan harga terlebih dahulu dan mencari barangan dan perkhidmatan alternatif yang menawarkan harga yang berpatutan.

Pengguna harus mempunyai kesedaran bahawa mereka berhak untuk memilih barangan dan perkhidmatan yang harganya jauh lebih rendah, tetapi mempunyai kualiti yang sama dengan item kegemaran mereka. Sebagai contohnya, sekiranya pengguna gemar membeli bawang kecil merah India untuk masakan, namun didapati harga bawang tersebut mahal ketika itu, maka pengguna boleh membuat keputusan untuk membeli bawang kecil merah Myanmar yang harganya jauh lebih murah.

Perubahan gelagat pembelian pengguna seperti ini sedikit sebanyak dapat

mempengaruhi permintaan terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan di pasaran. Seterusnya, impak kepada pengurangan permintaan pengguna ini akan membantu kawalan harga barangan atau perkhidmatan.

Pengguna juga tidak sepatutnya taasub terhadap jenama tertentu, jenis barangan atau perkhidmatan tertentu atau premis perniagaan tertentu sahaja. Pilihan di tangan pengguna. Pengguna bebas memilih barangan atau perkhidmatan di mana-mana premis yang menawarkan harga yang lebih berpatutan. Aplikasi seperti PriceCatcher dapat membantu pengguna membuat perbandingan premis yang menawarkan pelbagai pilihan item dengan harga yang berbeza.

PriceCatcher memaparkan harga runcit di pasaran setiap hari di samping membantu

pengguna membuat keputusan pembelian yang bijak. Dengan adanya aplikasi ini, pengguna dapat merancang pembelian dengan bijak. Secara tidak langsung, dapat mendidik pengguna agar berbelanja secara berhemat di samping membudayakan gelagat pembelian yang baik dan cekap.

Inflasi boleh dikawal dengan memperbaiki gelagat pembelian. Jadilah pengguna yang bijak dengan mengamalkan langkah seperti yang berikut:

- 1. Membuat perancangan**
Merancang perbelanjaan dengan baik sebelum membeli-belah.
- 2. Bertenang**
Tidak membuat pembelian panik atau berbelanja dalam kuantiti yang melebihi keperluan sebenar yang akan menyebabkan harga melonjak naik.
- 3. Mengehadkan pembelian**
Membeli barangan dalam kuantiti yang sewajarnya.
- 4. Menggunakan aplikasi**
Pengguna boleh membuat perbandingan harga barang dengan aplikasi PriceCatcher agar dapat membantu pengguna membuat keputusan untuk membeli secara bijak.
- 5. Membuat perbandingan**
Sentiasa membuat perbandingan harga agar dapat memilih harga barang yang berpatutan.
- 6. Mewujudkan item pengganti**
Mengubah kecenderungan membeli item yang biasa dibeli dengan mewujudkan item pengganti bagi item yang menunjukkan peningkatan harga yang di luar kemampuan.

Peranan pengguna sebagai kuasa beli mampu mempengaruhi permintaan dan pengeluaran pada peringkat

pengeluar atau pembekal yang dapat menentukan perubahan dalam harga barangan dan perkhidmatan di pasaran. Hal ini kerana pengeluaran sesuatu barangan dan perkhidmatan bergantung pada permintaan pengguna. Oleh hal yang demikian, sekiranya pengguna boleh berbelanja dengan bijak, perubahan harga di pasaran dapat dikawal seterusnya mampu mengawal kadar inflasi.

Kesimpulannya, perubahan minda dan reaksi dalam kalangan pengguna perlu wujud bagi menghadapi cabaran inflasi. Pengguna perlu melihat semula gaya hidup masing-masing dan bersedia untuk melakukan perubahan yang besar kepada gaya hidup mengikut kesesuaian keadaan yang berlaku pada masa ini.

Jangan berharap hanya kepada campur tangan kerajaan semata-mata bagi memastikan harga barang berada pada paras rendah. Jangan terbiasa dengan keselesaan subsidi yang diberi oleh kerajaan. Kerajaan sudah semestinya bertanggungjawab dan berperanan untuk membantu rakyat berdepan dengan cabaran kesulitan hidup pada masa ini.

Peningkatan harga barangan dan perkhidmatan akan mengurangkan kuasa beli pengguna yang memberikan kesan yang ketara kepada semua lapisan masyarakat, khususnya mereka yang tinggal di bandar. Oleh itu, semua rakyat Malaysia perlu bijak mengawal perbelanjaan agar kita berupaya mendepani cabaran ekonomi ini. END